

Tarikh Dibaca: 14 OKT 2022M | 17 Rabi'ul Awwal 1444H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“AMANAH DALAM KEPIMPINAN
MASJID”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“AMANAH DALAM KEPIMPINAN MASJID”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ
أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah dan

¹ al-Taubah : 18.

² ali-Imran: 102.



menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan didunia dan akhirat. **“AMANAH DALAM KEPIMPINAN MASJID.”**

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Amanah merupakan suatu perkara yang ditekankan oleh Islam lebih-lebih lagi dalam soal kepimpinan. Oleh itu, seseorang yang bersifat amanah akan berusaha mengotakan janji, memenuhi dasar, kod etika dan undang-undang. Sifat amanah perlu disuburkan dalam kehidupan, sama ada sebagai pemimpin masyarakat, organisasi, institusi malah sebagai pemimpin pentadbir masjid. Meskipun masjid merupakan tempat awam dan menjadi milik umat Islam, tanpa mengira latar belakang dan bebas dikunjungi, namun perlu diingat masjid mempunyai peraturan dan tatacara yang tertentu agar kesucian dan kemuliaannya dapat dipelihara dari semasa ke semasa. Oleh itu, jawatankuasa pentadbir masjid yang telah dipilih perlu melaksanakan tanggungjawab dan amanah dalam mentadbir 'Rumah Allah'.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Amanah merupakan suatu sifat yang wajib dipelihara. Ini kerana, agama Islam sangat mengutamakan sifat amanah dalam kepimpinan dan muamalat kehidupan seharian. Kepimpinan merupakan tanggungjawab dan amanah, ia bukan satu kedudukan, kebanggaan apatah lagi kekuasaan. Amanah dalam kepimpinan merupakan sesuatu yang sangat berat untuk dilaksanakan lebih-lebih lagi bagi pemimpin pentadbir masjid. Dalam hal ini, hadis daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ



“Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menepati janji.”

(Riwayat Ahmad).

Meskipun berat, mereka yang dapat melaksanakan amanah akan dikurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda. Sehubungan dengan itu, setiap kalangan kita mempunyai tanggungjawab dan amanah yang akan dipersoalkan dihadapan Allah kelak. Firman Allah SWT di dalam surah al-Anfal, ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”

Hadirin sekalian,

Ciri utama yang dikehendaki oleh Allah bagi pemimpin-pemimpin masjid dan surau itu ialah mesti beriman kepada Allah dan hari akhirat dengan sebenarnya, istiqamah mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut melainkan hanya kepada Allah SWT sahaja. Ini akan melahirkan pemimpin yang mempunyai personaliti dan akhlak yang mampu mempengaruhi orang lain serta bersedia ditegur atau dikritik oleh orang lain ke arah kebaikan.

Sebagai pentadbir rumah Allah yang beriman, sifat-sifat ego, ujub, dengki dan suka mengadu domba perlu dikikis dan dibuang sejauh



mungkin. Ini kerana, kadangkala situasi inilah yang menimbulkan gejala negatif seperti mereka-reka cerita, memfitnah, mengumpat dan sebagainya dalam kalangan jemaah dan ahli kariah. Selayaknya, pentadbir masjid perlu dipandang oleh masyarakat sekeliling sebagai seorang yang mempunyai nilai akhlak yang mementingkan masyarakat, bukan kepentingan kelompok tertentu.

Hadirin yang berbahagia,

Bagi memastikan kehadiran jemaah kekal istiqamah, pengurusan masjid perlu merangka aktiviti dan program yang bersifat cintakan dan rindukan masjid. Ini termasuklah penganjuran program dakwah setempat dengan menyebarkan aktiviti dakwah masjid menggunakan platform media sosial dan aplikasi komunikasi. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 18 yang dibacakan pada awal khutbah ini bermaksud:

“Hanyasanya orang-orang yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

Hadirin yang dimuliakan,

Amanah kepimpinan masjid juga perlu memastikan prasarana masjid berada pada tahap yang kondusif berdasarkan kepada keperluan jemaah seperti tempat ibadat atau dewan solat yang bersih dan selesa. Begitu juga kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan jemaah yang hadir. Pihak pentadbir masjid juga perlu mendengar pandangan dan pendapat ahli jemaah, berbincang mengenai aktiviti agama secara dua hala untuk



mencari kesepakatan dalam menguruskan aktiviti dan program agar dapat mengembangkan program-program dakwah setempat berdasarkan situasi semasa.

Bagi memastikan pengurusan masjid menjadi pusat pentadbiran yang berkualiti, maka beberapa aspek penting perlu ditambah baik dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan masjid di Selangor kekal sebagai zon yang aman dan mesra jemaah. Oleh itu, pentadbir masjid perlu memastikan masjid tempat ibadah bebas dari cengkaman politik. Ini bermaksud, masjid bukan tempat untuk menanam bibit-bibit kebencian satu golongan kepada golongan yang lain dan bukan tempat mengwujudkan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Bahkan Tuanku Sultan Selangor juga pernah melarang sebarang aktiviti yang berbau politik dijalankan di masjid-masjid di negeri Selangor ini. Oleh itu, peranan utama pemimpin pentadbir masjid memastikan kesucian dan kemuliaan masjid dipelihara agar *ukhuwah Islamiyyah* dapat dipupuk dalam kalangan jemaah. Apatah lagi masjid merupakan tempat yang mulia dan dicintai oleh Allah SWT. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا

"Tempat yang disukai oleh Allah adalah Masjid."

(Riwayat Muslim).

Hadirin sidang jumaat yang dirahmati oleh Allah sekalian,

Amanah kepimpinan masjid yang cekap dan efisien hendaklah mengamalkan dasar pengurusan tadbir urus yang baik atau good governance yang meliputi lapan elemen iaitu:



1. Penglibatan semua,
2. Berlandaskan persepakatan,
3. Boleh dipertanggungjawabkan
4. Telus dalam bertindak,
5. Segera dan mudah memberi kerjasama terhadap suatu usaha baik,
6. Saksama dan terbuka,
7. Mendatangkan hasil dan cekap tanpa membazir waktu dan tenaga,
8. Mematuhi undang-undang atau peraturan dalam pelaksanaan kerja

Muslimin hadirin sidang Jumaat sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita hayati dan amabil pengajarannya seperti berikut:

1. Umat Islam dan jawatankuasa masjid hendaklah beriman, menunaikan solat dan zakat serta takutkan Allah SWT bagi memakmurkan masjid.
2. Fahamilah bahawa masjid yang tidak dimakmurkan mengikut tuntutan Islam akan menjadi penyebab kepada perpecahan dan kerosakan kepada masyarakat dan agama.
3. Jawatankuasa pengurusan masjid yang dipilih hendaklah mengambil langkah-langkah yang berkesan agar masjid dapat berfungsi mengikut prinsip-prinsip dan peranan sepertimana Masjid Quba' di zaman awal-awal Islam dahulu.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ
تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

“Jangan engkau sembahyang di masjid (Masjid Dhirar) itu selamanya, kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).”

(al-Taubah : 108).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَعَاوَنِ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٣١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.